

02 OCT 2003

Khalil-Pameran

SAJIAN GAMBAR BERKUALITI PM DI PAMERAN SERIBU WAJAH DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Orang ramai yang melawat pameran 'Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan' akan disajikan dengan gambar-gambar berkualiti oleh jurugambar-jurugambar profesional media tempatan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata, selain itu pelawat juga akan berpeluang melihat gambar 'candid' Perdana Menteri yang tidak pernah disiarkan di mana-mana media sebelum ini.

"Pilihan gambar ini ialah dari 80,000 keping gambar yang disediakan oleh media masing-masing yang telah diproses oleh akhbar-akhbar, kepada 10,000 yang dikumpulkan dipilih oleh panel dan akhirnya menjadi 1,000 lebih," katanya kepada pemberita selepas melawat persediaan pameran itu di Balai Seni Lukis Negara, di sini hari ini.

Pameran itu akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada Isnin ini.

Khalil berkata selesai pameran di sini, gambar-gambar berkenaan akan dipamerkan di peringkat zon dan seterusnya di negeri-negeri.

Beliau berkata gambar-gambar itu juga tidak akan dijual.

"Pihak sekretariat akan memutuskan bagaimana kita nak simpan gambar-gambar ini dan diberikan kepada siapa, tidak ada penjualan," katanya.

Khalil berkata pameran itu adalah sumbangan media tempatan iaitu semua media cetak dan stesen televisyen untuk menghargai jasa-jasa Dr Mahathir.

Sejumlah 1,031 keping gambar yang meliputi tempoh 22 tahun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri akan dipamerkan selama dua bulan sehingga 6 Dis.

Pameran itu akan mula dibuka kepada orang ramai mulai 7 Okt dari pukul 10 pagi hingga 6 petang dan masuk adalah percuma.

-- BERNAMA

NM AHH BK